

**Malaysia
bosan
Vietnam
tidak
tepati**

janji

UM 20 MAY 1983

SUBANG 19 Mei — Malaysia sudah bosan dengan pengumuman Vietnam yang berkali-kali berkata mahu mengundurkan tenteranya dari bumi Kampuchea tetapi tidak berbuat demikian, Datuk Sri Dr. **Mahathir Mohamad** memberitahu hari ini.

Perdana Menteri menegaskan, pengunduran tentera yang dikehendaki oleh dunia “bukanlah pengunduran yang kemudiannya digantikan pasukan lain”.

“Pengumuman tentang pengunduran tentera Vietnam itu berlaku tahun lalu. Perkara yang sama berlaku tahun ini. Ini sudah menjadi perkara yang menjemukan dan membosankan”, tambahnya dalam sidang akhbar di lapangan terbang di sini sekembalinya dari lawatan ke negara-negara Balkan.

Yang harus memerintah negara itu.

Tentu sekali dalam pungutan suara itu penyertaan puak Heng Samrin tidak dapat dielakkan, kerana sesiapa sahaja asalkan ia rakyat Kampuchea berhak menyertainya.

“Keputusannya adalah bergantung kepada pilihan rakyat Kampuchea sendiri yang tidak dikuasai atau dipengaruhi oleh negara-negara lain,” katanya.

Perdana Menteri baru-baru ini menegaskan di negara-negara Balkan bahawa Heng Samrin tidak mungkin diterima oleh Kerajaan Campuran Kampuchea sekarang yang diketuai oleh Putera Sihanouk.

Bagaimanapun, dengan penjelasan pagi ini, beliau tidak menolak kemungkinan puak Heng Samrin menyertai pungutan suara yang akan menentukan siapa yang patut memerintah Kampuchea.